

## MASJID AL AQSA: SATU TINJAUAN DARI PERSPEKTIF HADIS

Ahmad Sufi Dhamiri Sholihotdin  
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,  
E-mail: [sufidhamiri@raudah.usim.edu.my](mailto:sufidhamiri@raudah.usim.edu.my)

Muhammad Danial Yusri Mohd Nasir  
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,  
E-mail: [yusri\\_mohdnasir@raudah.usim.edu.my](mailto:yusri_mohdnasir@raudah.usim.edu.my)

Ahmad Izzuddin Abu Bakar  
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,  
Email: [izzuddin@usim.edu.my](mailto:izzuddin@usim.edu.my)

### ABSTRAK

Kajian ini meneroka peranan dan kedudukan Masjid Al-Aqsa dalam Islam berdasarkan perspektif hadis. Masjid Al-Aqsa dan sekitarnya memainkan peranan penting dalam sejarah dan keimanan umat Islam bahkan turut mempengaruhi sejarah tamadun dan agama besar dunia yang lain seperti Yahudi dan Kristian. Realiti yang berlaku pada hari ini telah menyaksikan pencerobohan pendatang haram Israel keatas tanah suci umat Islam yang menghiris hati umat islam. Peristiwa ini menjadi satu penghinaan kepada umat Islam atas pencerobohan yang dilakukan kerana mereka telah mencemari tanah suci dengan perlakuan yang tidak bermoral dan tidak berperikemanusiaan. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menjelaskan sudut pandang hadis Nabi Muhammad S.A.W. terhadap Masjid al Aqsa dalam menentukan kedudukan dan peranan penting Masjid al Aqsa kepada umat Islam. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berdasarkan kaedah kepustakaan sepenuhnya dengan meneliti sumber-sumber hadis dan sumber-sumber yang berkaitan dengan Masjid al Aqsa. Analisis dilakukan untuk menentukan tema-tema utama hadis yang berkaitan dengan tempat suci ini. Dalam kajian ini juga dapat disimpulkan bahawa hadis-hadis Nabi Muhammad S.A.W. menunjukkan kepentingan Masjid al Aqsa sebagai kiblat pertama umat Islam yang mana digandakan pahala beribadah di dalamnya dan merupakan masjid ketiga yang paling mulia setelah Masjid al Haram dan Masjid Nabawi. Masjid ini mempunyai kedudukan dan peranan yang khusus dan mulia di sisi Islam dan umatnya sebagaimana yang telah dinyatakan oleh hadis-hadis yang dikaji. Diharapkan kajian ini akan memberikan pemahaman yang lebih baik tentang pentingnya Masjid Al-Aqsa dalam ajaran Islam dan bagaimana Nabi S.A.W. memberikan penekanan terhadap tempat suci ini.

**Kata Kunci :** Masjid al Aqsa, hadis, Islam.

### 1. Pengenalan

Allah Taala berfirman dalam surah Al Isra' ayat pertama: *“Maha Suci Allah yang telah memperjalankan hamba-Nya pada suatu malam dari Masjidil Haram ke Al Masjidil Aqṣā yang telah Kami berkati sekelilingnya agar Kami perlihatkan kepadanya sebagian dari tanda-tanda (kebesaran) Kami. Sesungguhnya Dia adalah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui”*. Masjid Al-Aqsa, yang terletak di Baitulmaqdis, adalah salah satu tempat suci yang sangat dihormati dalam Islam. Kepentingannya bukan sahaja terletak pada nilai sejarah dan budaya, tetapi juga dalam penghayatan spiritual dan rohani yang mendalam bagi umat Islam. Dari sudut pandangan hadis, Masjid Al-Aqsa mempunyai kedudukan yang istimewa, di mana banyak hadis yang menyebutkan keutamaan dan keberkatan masjid ini.

Kajian ini bertujuan untuk meneliti Masjid Al-Aqsa dari sudut pandang hadith Nabi Muhammad SAW, dengan memberi tumpuan kepada kelebihan, peranan, dan signifikan masjid ini dalam ajaran Islam. Kajian ini akan meneliti hadis-hadis yang berkaitan, serta mengupas tafsiran ulama mengenai makna dan implikasi hadis tersebut. Dengan ini, kajian ini dapat memberikan pemahaman yang lebih

mendalam mengenai tempat suci ini dan memperkukuhkan kefahaman umat Islam tentang kepentingan Masjid Al-Aqsa.

Kepentingan kajian ini terletak pada beberapa aspek. Pertama, kajian ini berupaya memperkukuh kefahaman umat Islam mengenai kepentingan dan keistimewaan Masjid Al-Aqsa sebagaimana yang dinyatakan dalam hadis. Kedua, ia boleh menjadi panduan dan rujukan dalam usaha memperkasakan nilai-nilai kerohanian dalam kalangan umat Islam, terutamanya dalam konteks mempertahankan tempat-tempat agama Islam dan syiar-syiarnya. Akhir sekali, kajian ini juga penting dalam konteks semasa, di mana isu-isu berkaitan Masjid Al-Aqsa sering menjadi tumpuan politik dan sosial. Dengan pengetahuan yang lebih mendalam tentang kepentingan masjid ini dari perspektif hadis, umat Islam dapat lebih memahami dan merespon isu-isu tersebut dengan bijak dan berlandaskan ajaran agama yang sahih.

## 2. Metodologi kajian

Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah kajian kualitatif yang menggunakan instrumen pengumpulan data. Data akan dikumpulkan melalui kaedah dokumentasi dan kepustakaan. Kaedah dokumentasi akan digunakan untuk memperoleh data yang akan dianalisis. Dokumen-dokumen penting seperti laman web dan dokumen relevan lainnya akan digunakan untuk menyokong hasil kajian. Kajian ini juga menggunakan metode kepustakaan untuk mengumpulkan informasi yang relevan sebelum dianalisis. Peneliti akan mengumpulkan informasi dari tesis, jurnal, artikel dan buku ilmiah di beberapa perpustakaan terdekat untuk dianalisis. Peneliti akan mengumpulkan data dari koleksi buku pribadi dan dari Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia.

## 3. Sejarah Masjid Al Aqsa

Pembangunan Masjid Al-Aqsa terdapat sebilangan pendapat yang berbeza. Ada yang berpendapat bahawa Masjid Al-Aqsa didirikan oleh Khalifah kedua iaitu Umar bin Khattab setelah beliau tiba di Palestin. Juga ada ulama seperti Ibnu Katsir, At-Tabari dan Al-Qurtubi yang berpendapat bahawa Masjid Al-Aqsa dibangunkan oleh malaikat dengan izin Allah swt. Sebahagian lain ulama ada yang berpendapat bahawa Masjid Al-Aqsa dibangunkan sendiri oleh Nabi Adam a.s dan diterajui oleh Nabi Ibrahim a.s. Sesudah Nabi Ibrahim a.s, Pembangunan ini diteruskan oleh Nabi Sulaiman a.s kemudiannya ia membangun menjadi masjid yang besar, kuat dan indah (Husnul Abdi, 2023).

Hubungan diantara perjuangan dakwah Nabi Muhammad s.a.w dengan Masjid Al-Aqsa tidak boleh dipisahkan kerana ia bukan hanya sekadar masjid, bahkan ia adalah tempat di mana Nabi Muhammad SAW bersinggah sebelum meneruskan perjalanan ke langit yang ke tujuh dalam peristiwa Isra' dan Mi'raj. Isra' dan Mi'raj merupakan peristiwa yang amat penting bagi umat Islam kerana ia adalah peristiwa yang menentukan waktu solat lima kali setiap hari.

## 4. Beberapa kitab berkenaan Masjid Al-Aqsa

Masjid Al-Aqsa mempunyai kedudukan yang istimewa di sisi umat Islam, bahkan mendapat tumpuan para cendekiawan Islam untuk mengarang kitab-kitab berkaitan dengan Al-Aqsa dan Baitul Maqdis. Mereka telah menulis berkenaan al Aqsa bermula kurun ke-3 Hijrah lagi seperti kitab "فتوح بيت المقدس" oleh Abu Huzaifah al Bukhari dan penulisan-penulisan mereka adalah dalam pelbagai bidang seperti sejarah, hadith, fiqh dan sebagainya akan tetapi tidak terlepas dari menyebut berkenaan Al Aqsa dan Baitul Maqdis di dalam karya mereka (Al Jamal,2018). Berikut merupakan beberapa kitab yang berkaitan dengan Masjid Al-Aqsa:

#### 4.1. Fadail Bayt al Maqdis

Karya karangan Abu Al Faraj Jamal Al Din Ibn Al Jawzi (508-597 H) ini menghimpunkan berkenaan kelebihan Baitul Maqdis. Kitab ini ditulis kerana memenuhi permintaan sebahagian penduduk Baitul Maqdis untuk menceritakan kelebihan tempat mereka. Penulis telah menjadikan kitab Fadail Al Bayt Al Muqaddas karangan Abu Bakar Muhammad bin Ahmad Al Khatib Al Wasiti sebagai salah satu rujukan utama yang mana sebahagian besar kandungan kitab ini telah dimasukkan ke dalam penulisan beliau. Beliau telah menulis kitab ini dengan menyebutkan hadith-hadith, athar dan kisah-kisah berkenaan Al Aqsa dan Baitul Maqdis dengan sanad yang penuh termasuklah beberapa Riwayat dari guru-guru beliau (Dzulraidi et al.,2023). Kitab yang mengandungi 27 bab ini menyebutkan pelbagai perkara seperti kelebihan Baitul Maqdis, kelebihan menziarahi Baitul Maqdis, solat Nabi Muhammad di Masjid Al Aqsa, perjalanan Isra' dan Mi'raj Nabi Muhammad dan lain-lain lagi (Ibn Al Jawzi, 2013).

#### 4.2. Ithaf Al Akhissa bi Fadail al Masjid al Aqsa

Kitab ini dikarang oleh Abi Abdillah Muhammad bin Syihabuddin Ibn Abdul Khaliq Al Manhaji Syams Al Din Al Suyuti (813-880 H). Kitab ini terdiri daripada 9 bab, yang merangkumi pelbagai perkara berkaitan konsep Baitulmaqdis dan Masjid Al-Aqsa serta sedikit mengenai sejarahnya. Pada permulaan, penulis menyebutkan sebahagian daripada perjalanan-perjalanannya sehingga menceritakan bagaimana penulis melawat dan mulai terikat dengan Masjid Al-Aqsa. Dalam bahagian-bahagian seterusnya, penulis berbicara tentang sifat-sifat dan nama-nama, kelebihan dan ganjaran solat di Masjid Al Aqsa, serta menjelaskan beberapa hukum yang berkaitan dengannya. Penulis juga menyebutkan tentang perjalanan Israk Nabi Muhammad SAW dari Masjidil Haram ke Masjid Al Aqsa dan Mi'rajnya ke langit. Dalam beberapa bab lagi, penulis juga menyebut tentang pembukaan Kota Baitul Maqdis oleh Umar Al-Khattab RA dan bagaimana Umar Al-Khattab RA menguruskan Masjid Al-Aqsa, serta membincangkan beberapa zaman yang dianggap sebagai zaman kegemilangan bagi masjid tersebut (Al Suyuti, 1982).

#### 4.3. Al Arba'un Al Maqdisiyyah

Kitab hadith yang menghimpunkan sebanyak 40 buah hadith terpilih berkaitan dengan Masjid Al Aqsa ini dikarang oleh Dr. Raid Fathi Jabareen, Pengerusi Majlis Fatwa Islami Palestin (المنصة العربية) (2024, للتعليم المفتوح). Beliau mendatangkan 40 buah hadith Nabi Muhammad SAW berkenaan keutamaan Masjid Al Aqsa secara khususnya dan Baitul Maqdis secara amnya. Tujuan penulisan beliau ini adalah untuk terus memperkukuhkan nilai-nilai Masjid Al Aqsa di sisi umat Islam yang mana pada hari ini bumi Palestin dan Al Aqsa secara khususnya sedang dijarah. Hadith-hadith di dalam kitab ini disusun berdasarkan 13 tema yang berbeza. Beliau menukilkan hadith dengan sanad yang ringkas berserta rujukan hadith. Di akhir kitab ini, penulis menambah satu bab berkenaan makna lafaz-lafaz tertentu dalam hadith-hadith yang berkenaan (Fathi, 2007).

#### 4.4. 40 Hadith Berkaitan Baitul Maqdis (Al Arba'un Al Maqdisiyyah Al Thabitah)

Buku terbitan Pembangunan Ruwaq Jawi ini merupakan terjemahan dari kitab Al Arba'un Al Maqdisiyyah Al Thabitah karangan Dr. Usamah Badi' Sa'idan Al Filastiniy. Terjemahan ini diusahakan oleh Ustaz Hairul Nizam Mat Husain dan Ustaz Muhammad Zulkifli Salleh. Penulis telah memilih hadith-hadith ini dari lebih 500 buah hadith dan beliau hanya memilih hadith-hadith yang diterima sahaja yang bertaraf sahih, hasan dan dhaif serta meninggalkan Riwayat-riwayat yang terlalu dhaif dan palsu. Hadith-hadith di dalam buku ini kesemuanya sahaja dan disusun bawah 4 bab yang utama yang mana susunannya saling berturutan mengikut tahap kepentingan pada tajuk-tajuknya khusus untuk Umat Islam yang tinggal di luar bumi Palestin. Beberapa matan hadith di dalam kitab

ini juga digabungkan dengan riwayat-riwayat yang diterima supaya tajuk tersebut dapat difahami dengan lebih jelas (Al Filastiniy, 2024).

#### **4.5. Tarikh Al Masjid Al Aqsa**

Kitab ini dikarang oleh Dr. Muhammad Hasyim Musa Ghawasyah, seorang ahli sejarah Jordan yang pernah memenangi Anugerah Antarabangsa Raja Faisal kategori Pengajian Islam pada tahun 2020 (King Faisal Prize, 2024). Dalam buku ini terdapat lebih kurang 16 bab. Secara kasarnya, isi kandungan kitab berkisar tentang sejarah dan pembangunan Masjid Al Aqsa zaman pemerintahan dinasti-dinasti kekhalifahan Islam seperti Abbasiyyah, Fatimiyah, Mamluk, Utsmaniah dan selepasnya. Diterangkan juga ciri-ciri Masjid Al Aqsa secara terperinci seperti keluasan dan Kawasan-kawasan yang termasuk dalam lingkungan Masjid Al Aqsa. Dalam kitab ini juga disebutkan tempat-tempat bersejarah dan mercu-mercu tanda di sekitar Masjid Al Aqsa seperti Masjid Al Aqsa utama, Kubah As Sakhras, Musalla Marwani, masjid-masjid di dalam kawasan Al Aqsa, kubah-kubah, menara-menara, madrasah-madrasah dan sebagainya (Ghawasyah, 2002). Ia juga dilengkapi dengan lakaran-lakaran serta gambar-gambar Masjid Al Aqsa dan sekitarnya berserta dengan tempat-tempat yang disebutkan di dalam buku ini sama ada berwarna penuh atau tidak.

### **5. Kedudukan Masjid Al-Aqsa di sisi umat Islam**

Baitul Maqdis memegang kedudukan yang sangat penting dalam sejarah dan kepercayaan umat Islam. Ia dianggap sebagai kiblat pertama dan merupakan tanah yang suci, kerana ia diberkati dengan kehadiran Nabi-nabi Allah. Bagi umat Islam, Baitul Maqdis sebagai tempat yang penuh keberkahan, yang pernah menjadi tempat persinggahan Nabi Muhammad s.a.w semasa peristiwa Isra' dan Mi'raj. Kedudukan ini diperkuatkan lagi dengan langkah-langkah yang diambil oleh Rasulullah s.a.w dan para sahabat untuk menaklukkannya, serta tindak balas para umat Islam terhadap penjajahan dari Tentera Salib (Amir Sahidin, 2021).

Kepentingan Masjid Al-Aqsa bagi umat Islam tidak hanya bersifat spiritual malah ia juga berkait rapat dengan sejarah dan politik. Kota suci ini merupakan simbol perpaduan dan identiti bagi umat Islam, yang telah berjuang untuk melindungi dan mempertahankannya dari berbagai penjajahan sepanjang sejarah. Baitul Maqdis juga menjadi saksi bisu atas toleransi Islam terhadap agama lain, dengan banyaknya nabi yang diutus ke sana dan keutamaan yang diberikan kepada masjid al-Aqsa, yang setara dengan Masjid Al-Haram dan Masjid An-Nabawi (Muh. Ikhsan, 2019).

Usaha-usaha umat Islam dalam melindungi Baitul Maqdis mencerminkan kesungguhan umat Islam terhadap kota suci ini. Zahir sejak zaman Rasulullah SAW, Khulafa' al-Rashidin, hingga ke zaman Kesultanan, umat Islam telah melakukan berbagai upaya untuk membebaskan Baitul Maqdis dari penjajahan. Ini termasuk perang Mu'tah, perang Tabuk, dan pengutusan pasukan Usamah bin Zaid. Bahkan setelah invasi Pasukan Salib, para ulama, hakim, penyair, dan panglima perang Islam terus berjuang untuk mengembalikan Masjid Al-Aqsa ke pangkuan umat Islam, menunjukkan betapa pentingnya kota ini bagi mereka.

## 6. Hadith-Hadith berkaitan Masjid Al-Aqsa

### 6.1. Masjid Al Aqsa Kiblat Pertama Umat Islam

سَمِعْتُ الْبَرَاءَ، يَقُولُ صَلَّىنا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَحْوَ بَيْتِ الْمَقْدِسِ سِتَّةَ عَشَرَ شَهْرًا أَوْ سَبْعَةَ عَشَرَ شَهْرًا ثُمَّ صُرِفْنَا نَحْوَ الْكَعْبَةِ . (رواه مسلم)

Daripada al Bara', beliau berkata: Kami bersolat bersama Rasulullah SAW menghadap ke Baitul Maqdis selama 16 bulan atau 17 bulan kemudian barulah kiblat diubah menghadap ke arah Ka'bah. (Riwayat Muslim)

عَنِ الْبَرَاءِ، قَالَ لَمَّا قَدِمَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمَدِينَةَ صَلَّى نَحْوَ بَيْتِ الْمَقْدِسِ سِتَّةَ عَشَرَ شَهْرًا، أَوْ سَبْعَةَ عَشَرَ شَهْرًا، وَكَانَ يُحِبُّ أَنْ يُوجَّهَ إِلَى الْكَعْبَةِ فَأَنْزَلَ اللَّهُ تَعَالَى {قَدْ نَرَى تَقَلُّبَ وَجْهِكَ فِي السَّمَاءِ فَلَنُوَلِّيَنَّكَ قِبْلَةً تَرْضَاهَا} فَوُجَّهَ نَحْوَ الْكَعْبَةِ، وَصَلَّى مَعَهُ رَجُلٌ الْعَصْرَ، ثُمَّ حَرَجَ فَمَرَّ عَلَى قَوْمٍ مِنَ الْأَنْصَارِ فَقَالَ هُوَ يَشْهَدُ أَنَّهُ صَلَّى مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَنَّهُ قَدْ وُجَّهَ إِلَى الْكَعْبَةِ. فَأُحْرَفُوا وَهُمْ رُكُوعٌ فِي صَلَاةِ الْعَصْرِ. (رواه البخاري)

Daripada Al Bara', beliau berkata: Setelah Rasulullah saw. sampai di Madinah. baginda solat menghadap ke arah Baitul Maqdis selama enam belas atau tujuh belas bulan. Baginda ingin supaya diperintahkan menghadap ke Kaabah. Maka diturunkan oleh Allah ayat: "Sungguh Kami (sering) melihat mukamu menengadah ke langit, maka sungguh Kami akan memalingkan kamu ke kiblat yang kamu sukai. Palingkanlah mukamu ke arah Masjidil Haram." Lantas Baginda menghadap ke arah Ka'bah. Ada seorang laki-laki solat Asar bersama dengan Nabi saw., kemudian itu dia pergi, dan bertemu dengan satu kumpulan kaum Ansar. Lalu dia mengatakan, bahawa dia hadir solat bersama Nabi saw. dan beliau telah diperintahkan menghadap ke arah Kaabah. Lalu orang yang sedang solat itu berputar ketika sedang rukuk dalam solat Asar. (Riwayat Al Bukhari)

### 6.2. Masjid Al Aqsa Masjid Yang Kedua Dibina

سَمِعْتُ أَبَا ذَرٍّ . رَضِيَ اللهُ عَنْهُ . قَالَ قُلْتُ يَا رَسُولَ اللهِ، أَيُّ مَسْجِدٍ وُضِعَ فِي الْأَرْضِ أَوَّلُ قَالَ " الْمَسْجِدُ الْحَرَامُ " . قَالَ قُلْتُ ثُمَّ أَيُّ قَالَ " الْمَسْجِدُ الْأَقْصَى " . قُلْتُ كَمْ كَانَ بَيْنَهُمَا قَالَ " أَرْبَعُونَ سَنَةً، ثُمَّ أَيُّنَا أَدْرَكْتِكَ الصَّلَاةَ بَعْدَ فَصْلِهِ، فَإِنَّ الْفَضْلَ فِيهِ " . (رواه البخاري)

Abu Zar bertanya kepada Rasulullah SAW: "Ya Rasulullah, masjid apakah yang pertama dibangunkan di atas muka bumi ini? Baginda menjawab: Masjid al-Haram. Selepas itu, masjid apa pula? Baginda menjawab Masjid Al-Aqsa. Aku bertanya lagi, berapa lama jarak kedua-duanya dibangunkan? Baginda menjawab: 40 tahun, tetapi di mana pun kamu mendapati waktu solat, maka dirikanlah solat, kerana sesungguhnya keutamaan ada di tempat tersebut." (Riwayat Al Bukhari)

### 6.3. Masjid Al Aqsa Salah Sebuah Masjid Dari Tiga Masjid

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ . رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ . عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ " لَا تُشَدُّ الرَّحَالُ إِلَّا إِلَى ثَلَاثَةِ مَسَاجِدَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ، وَمَسْجِدِ الرَّسُولِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَمَسْجِدِ الْأَقْصَى " . (رواه البخاري)

Dari Abu Hurairah: “Janganlah kamu bersusah payah mengembara (atau bermusafir bagi tujuan ibadah) melainkan pada tiga buah masjid iaitu Masjid al-Haram, Masjid Rasulullah SAW dan juga Masjid al-Aqsa”. (Riwayat Al Bukhari)

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، يَبْلُغُ بِهِ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " لَا تُشَدُّ الرَّحَالُ إِلَّا إِلَى ثَلَاثَةِ مَسَاجِدَ مَسْجِدِي هَذَا وَمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَمَسْجِدِ الْأَقْصَى " . (رواه مسلم)

Dari Abu Hurairah: “Janganlah kamu bersusah payah mengembara (atau bermusafir bagi tujuan ibadah) melainkan pada tiga buah masjid iaitu masjidku ini (Masjid Nabawi), Masjid al-Haram, dan juga Masjid al-Aqsa”. (Riwayat Muslim)

### 6.4. Anjuran untuk Bersolat di Masjid Al Aqsa

عَنْ أَبِي دَرٍّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: تَدَاكَّرْنَا وَنَحْنُ عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَيُّهُمَا أَفْضَلُ: مَسْجِدُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، أَوْ مَسْجِدُ بَيْتِ الْمَقْدِسِ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: " صَلَاةٌ فِي مَسْجِدِي هَذَا أَفْضَلُ مِنْ أَرْبَعِ صَلَوَاتٍ فِيهِ، وَلِنَعْمَ الْمُصَلِّي، وَلْيُوشِكَنَّ أَنْ لَا يَكُونَ لِلرَّجُلِ مِثْلُ شَطْنِ فَرَسِهِ مِنَ الْأَرْضِ حَيْثُ يَرَى مِنْهُ بَيْتَ الْمَقْدِسِ خَيْرٌ لَهُ مِنَ الدُّنْيَا جَمِيعًا - أَوْ قَالَ: خَيْرٌ مِنَ الدُّنْيَا وَمَا فِيهَا. (أَخْرَجَهُ الْحَاكِمُ فِي الْمُسْتَدْرَكِ)

Maksudnya: “Kami sedang mengingati antara satu sama lain dan Rasulullah SAW berada di sisi kami berkaitan yang mana lebih afdhal di antara masjid Rasulullah SAW dan juga masjid Bait al-Maqdis. Maka Rasulullah SAW bersabda: Solat di masjidku ini lebih afdhal daripada empat kali solat di Bait al-Maqdis. Alangkah nikmatnya bagi orang yang solat. Sesungguhnya akan tiba satu masa, seseorang itu memiliki tanah seukuran tali kuda sehingga dia mampu melihat Bait al-Maqdis. Hal itu adalah lebih baik baginya daripada dunia keseluruhannya atau lebih baik daripada dunia dan seisinya.” [Hadith ini dinilai sahih oleh al-Hakim dengan menyatakan sanad hadith ini adalah sahih tetapi tidak diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim] [Riwayat al-Hakim]

عن جابر بن عبد الله رضى الله عنهما أَنَّ رَجُلًا قَالَ يَوْمَ الْفَتْحِ: يَا رَسُولَ اللَّهِ! إِنِّي نَذَرْتُ إِنْ فَتَحَ اللَّهُ عَلَيْكَ مَكَّةَ أَنْ أَصَلِّيَ فِي بَيْتِ الْمَقْدِسِ, فَقَالَ: "صَلِّ هَا هُنَا". فَسَأَلَهُ, فَقَالَ: "صَلِّ هَا هُنَا". فَسَأَلَهُ, فَقَالَ: "شَأْنُكَ إِذَا".

وزاد أبو داود في إحدى روايته للحديث: "والذي بعث محمداً بالحق، لو صليت ها هنا لأجرأ عنك صلاة في بيت المقدس." (رواه أحمد، أبي داود، الدارمي والحاكم)

"Daripada Jabir bin Abdullah RA berkata: Seorang pemuda telah berkata pada hari pembukaan Mekah: Wahai Rasulullah, sesungguhnya aku telah bernazar sekiranya kota Mekah telah dibuka (dibebaskan) aku akan solat di Baitulmaqdis. Kemudian Rasulullah SAW berkata kepadanya: Solatlah di sini (Masjidil Haram). Kemudian ditanya buat kali keduanya, maka Rasulullah SAW berkata : Solatlah di sini. Kemudian ditanya pada kali yang ketiganya, kemudian Rasulullah SAW bersabda: Kalau begitu, terserah engkau.

Dalam satu riwayat Abu Daud ditambah: "Demi Allah yang mengutuskan Muhammad dengan kebenaran, sekiranya kamu solat di sini, maka kamu akan diganjar pahala seperti solat di Baitulmaqdis." (Riwayat Ahmad, Abu Daud, Ad Darimi dan Al Hakim)

#### 6.5. Ganjaran Bagi Mereka yang Bersolat di Masjid Al Aqsa

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " أَنَّ سُلَيْمَانَ بْنَ دَاوُدَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَمَّا بَنَى بَيْتَ الْمَقْدِسِ سَأَلَ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ خِلَالَ ثَلَاثَةِ سَأَلِ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ حُكْمًا يُصَادِفُ حُكْمَهُ فَأُوتِيَهُ وَسَأَلَ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ مُلْكًا لَا يَنْبَغِي لِأَحَدٍ مِنْ بَعْدِهِ فَأُوتِيَهُ وَسَأَلَ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ حِينَ فَرَغَ مِنْ بِنَاءِ الْمَسْجِدِ أَنْ لَا يَأْتِيَهُ أَحَدٌ لَا يَنْهَرُهُ إِلَّا الصَّلَاةُ فِيهِ أَنْ يُخْرِجَهُ مِنْ حَطِيبَتِهِ كَيَوْمِ وَلَدَتْهُ أُمُّهُ " . (رواه النسائي)

Daripada Abdullah bin Amru RA, bersabda Rasulullah SAW: "Sesungguhnya ketika Nabi Sulaiman bin Daud membina Baitulmaqdis, baginda meminta kepada Allah 'azza wa jalla tiga perkara: meminta kepada Allah agar baginda dapat menjalankan hukum yang menepati hukum-Nya, lalu dikabulkan; meminta kepada Allah dianugerahi kerajaan yang tidak diberikan kepada seseorang setelahnya, lalu dikabulkan; meminta kepada Allah 'azza wa jalla apabila beliau selesai membina masjid (Masjid al-Aqsa), agar tidak ada seorang pun yang mendatangnya kecuali dia berkeinginan solat di situ, maka dihapuskan kesalahannya seperti hari dia dilahirkan oleh ibunya. (Riwayat An Nasai)

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ، قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - "صَلَاةُ الرَّجُلِ فِي بَيْتِهِ بِصَلَاةٍ وَصَلَاتُهُ فِي مَسْجِدِ الْقِبَائِلِ بِخَمْسٍ وَعِشْرِينَ صَلَاةً وَصَلَاتُهُ فِي الْمَسْجِدِ الَّذِي يُجْمَعُ فِيهِ بِخَمْسِمِائَةٍ صَلَاةً وَصَلَاةً فِي الْمَسْجِدِ الْأَقْصَى بِخَمْسِينَ أَلْفِ صَلَاةٍ وَصَلَاةً فِي مَسْجِدِي بِخَمْسِينَ أَلْفِ صَلَاةٍ وَصَلَاةً فِي الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ بِمِائَةِ أَلْفِ صَلَاةٍ"

Daripada anas Bin Malik, Rasulullah SAW bersabda: “Solat seseorang di rumahnya adalah satu solat; solatnya di Masjid umatnya mendapat pahala 27 solat; sembahyangnya di Masjid yang dikerjakan sembahyang Jumaat mendapat pahala 500; solatnya di Masjid Al-Aqsa (yakni Al-Aqsa Sanctuary) mendapat pahala 500 solat; solatnya di Masjidku (Masjid Nabi SAW di Madinah) mendapat pahala 1,000 solat, dan solat di Masjidil Haram (Masjid Al Haram) mendapat pahala 100,000 solat”. (Riwayat At Tirmidzi dan Ibnu Majah)

#### 6.6. Baitul Maqdis dan Tanda-Tanda Kiamat

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ، أَنَّ النَّبِيَّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - قَالَ " إِنَّ لِي حَوْضًا مَا بَيْنَ الْكَعْبَةِ وَبَيْتِ الْمَقْدِسِ أَبْيَضَ مِثْلَ اللَّبَنِ آبَيْتُهُ عَدَدُ النُّجُومِ وَإِنِّي لَأَكْثَرُ الْأَنْبِيَاءِ تَبَعًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ " . (رواه ابن ماجه)

Daripada Abu Sa'id Al-Khudri bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya aku mempunyai sebuah telaga seluas jarak antara Ka'bah dan Baitul Maqdis, putih bagaikan susu. Bejana-bejananya sebanyak bilangan bintang-bintang di langit. Sesungguhnya aku benar-benar seorang nabi yang terbanyak pengikutnya pada hari kiamat." (Riwayat Ibnu Majah)

عَنْ مُعَاذِ بْنِ جَبَلٍ، قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " عُمْرَانُ بَيْتِ الْمَقْدِسِ خَرَابٌ يَثْرِبُ وَخَرَابٌ يَثْرِبُ خُرُوجِ الْمَلْحَمَةِ وَخُرُوجِ الْمَلْحَمَةِ فَتُحُفُّ فُسْطَاطِيْنِيَّةً وَفَتْحُ الْفُسْطَاطِيْنِيَّةِ خُرُوجُ الدَّجَالِ " . ثُمَّ ضَرَبَ بِيَدِهِ عَلَى فَخْدِ الَّذِي حَدَّثَ - أَوْ مِنْكِبِهِ - ثُمَّ قَالَ إِنَّ هَذَا لِحَقُّ كَمَا أَنَّكَ هَا هُنَا أَوْ كَمَا أَنَّكَ قَاعِدٌ . يَعْنِي مُعَاذُ بَنِ جَبَلٍ . (رواه أبي داود)

Daripada Muaz Bin Jabal: Rasulullah SAW bersabda: "Pemakmuran Baitul Maqdis merupakan tanda kehancuran Yathrib (Madinah), kehancuran Yathrib merupakan tanda permulaan al-Malhamah, permulaan al-Malhamah merupakan tanda pembebasan Kota Kostantinopel, pembebasan Kota Kostantinopel pula adalah tanda kemunculan Dajjal. Baginda memukul paha atau bahunya dengan tangannya dan berkata: Ini benar seperti kamu berada di sini atau semasa kamu duduk (maksudnya Mu'adz ibn Jabal)". (Riwayat Abu Daud)



عن عَوْفِ بْنِ مَالِكٍ، قَالَ أَتَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي عَزْوَةِ تَبُوكَ، وَهُوَ فِي قُبَّةٍ مِنْ أَدَمٍ فَقَالَ " اَعْدُدْ سِتًّا بَيْنَ يَدَيِ السَّاعَةِ، مَوْتِي، ثُمَّ فَتَحْ بَيْتَ الْمَقْدِسِ، ثُمَّ مَوْتَانِ يَأْخُذُ فِيكُمْ كَقُعَاصِ الْعَنَمِ، ثُمَّ اسْتِفَاضَةُ الْمَالِ حَتَّى يُعْطَى الرَّجُلُ مِائَةَ دِينَارٍ فَيَطْلُبُ سَاخِطًا، ثُمَّ فِتْنَةٌ لَا يَبْقَى بَيْتٌ مِنَ الْعَرَبِ إِلَّا دَخَلْتَهُ، ثُمَّ هُدْنَةٌ تَكُونُ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَ بَنِي الْأَصْفَرِ فَيَغْدِرُونَ، فَيَأْتُونَكُمْ تَحْتَ ثَمَانِينَ غَايَةً، تَحْتَ كُلِّ غَايَةٍ اثْنَا عَشَرَ أَلْفًا". (رواه البخاري)

Daripada Auf bin Malik: Nabi SAW bersabda "Hitunglah enam perkara yang akan terjadi menjelang dekatnya Hari Kiamat: Wafatku, penaklukan Baitul Maqdis, Kematian yang menyerang kamu sekalian bagaikan penyakit yang menyerang kambing sehingga mati tiba-tiba, Melimpahnya harta benda sehingga ada lelaki yang diberi seratus dinar namun masih marah (kerana merasa kurang), Timbulnya fitnah sehingga tidak ada satu pun rumah orang Arab melainkan ia akan memasukinya, kemudian perjanjian damai antara kalian dengan Bani al-Ashfar, namun mereka berkhianat dan menyerang kalian di bawah 80 panji perang yang masing-masing panji beranggotakan dua belas ribu orang tentera." (Riwayat Al Bukhari)

عن ابنِ زُغْبِ الْإِيَادِيِّ قَالَ : نَزَلَ عَلَيَّ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ حَوَالَةَ الْأَزْدِيُّ فَقَالَ لِي : بَعَثْنَا رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِنَعْنَمَ عَلَى أَقْدَامِنَا فَرَجَعْنَا فَلَمْ نَعْنَمْ شَيْئًا وَعَرَفَ الْجُهْدَ فِي وُجُوهِنَا فَقَامَ فِينَا فَقَالَ : " اللَّهُمَّ لَا تَكِلْهُمْ إِلَيَّ فَأَضْعَفَ عَنْهُمْ، وَلَا تَكِلْهُمْ إِلَى أَنْفُسِهِمْ فَيَعْجِزُوا عَنْهَا، وَلَا تَكِلْهُمْ إِلَى النَّاسِ فَيَسْتَأْتِرُوا عَلَيْهِمْ " . ثُمَّ وَضَعَ يَدَهُ عَلَى رَأْسِي - أَوْ قَالَ : عَلَى هَامَتِي - ثُمَّ قَالَ : " يَا ابْنَ حَوَالَةَ إِذَا رَأَيْتَ الْخِلَافَةَ قَدْ نَزَلَتْ أَرْضَ الْمُقَدَّسَةِ فَقَدْ دَنَتْ الزَّلَازِلُ وَالْبَلَابُ وَالْأُمُورُ الْعِظَامُ، وَالسَّاعَةُ يَوْمَئِذٍ أَقْرَبُ مِنَ النَّاسِ مِنْ يَدِي هَذِهِ مِنْ رَأْسِكَ". (رواه أبي داود)

Dari Ibnu Zughb Al Iyadi ia berkata, 'Abdullah bin Hawalah al-Azdi pernah singgah di tempatku, lalu ia berkata kepadaku; Rasulullah SAW pernah mengutus kami untuk mendapatkan harta rampasan perang dengan berjalan kaki. Bagaimanapun, kami hanya pulang dan tidak mendapatkan sesuatu apa pun. Baginda menyedari kesan susah payah pada wajah kami. Lalu baginda berdiri dan berdoa: "Ya Allah, janganlah Engkau serahkan mereka kepadaku hinggakan aku lemah untuk menanggung mereka, dan janganlah Engkau serahkan mereka kepada diri mereka sendiri hinggakan mereka nanti tidak mampu menanggung diri mereka, dan janganlah Engkau serahkan mereka kepada manusia hinggakan mereka nanti mementingkan diri mereka ke atas mereka itu." Kemudian baginda meletakkan tangannya di atas kepalaku - atau di atas ubun-ubunku -. Kemudian bersabda: "Wahai anak Hawalah, apabila engkau melihat khilafah telah turun di bumi yang disucikan (Baitul Maqdis), maka sungguh telah dekatlah bencana gempa bumi, malapetaka serta perkara-perkara besar. Pada saat itu, Hari Kiamat lebih dekat kepada manusia daripada tanganku ini dari kepalamu." (Riwayat Abu Daud)

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم عن الدجال: يَبْلُغُ سُلْطَانُهُ كُلَّ مَنْهَلٍ، لَا يَأْتِي أَرْبَعَةَ مَسَاجِدَ: الْكَعْبَةَ، وَمَسْجِدَ الرَّسُولِ، وَالْمَسْجِدَ الْأَقْصَى، وَالطُّورَ. (رواه أحمد)

Rasulullah SAW bersabda mengenai Al Dajjal: “Kekuasaan Dajjal akan sampai ke seluruh tempat minum air. Namun dia tidak akan dapat mendatangi empat masjid iaitu, Al Ka’bah, Masjid Rasul, Masjid Al Aqsa dan Al Tur”. (Riwayat Ahmad)

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم عن الدجال: وَإِنَّهُ يَحْضُرُ الْمُؤْمِنِينَ فِي بَيْتِ الْمَقْدِسِ، فَيُزَلِّزُونَ زَلْزَالًا شَدِيدًا. (رواه أحمد)

Rasulullah SAW bersabda mengenai Al Dajjal: “Dajjal akan mengepung orang-orang mukmin di Baitul Maqdis. Lalu mereka akan digoncang dengan goncangan yang dahsyat”. (Riwayat Ahmad)

## 7. Penutup

Hadith-hadith yang telah disebutkan dengan nyata telah menyebut tentang keistimewaan dan kelebihan Masjid Al Aqsa. Secara umumnya, dapat disimpulkan bahawa Masjid Al Aqsa merupakan salah satu masjid yang mulia dan diberkati dan mempunyai kedudukan yang tinggi disisi Islam. Melalui kajian ini, kita dapat memahami dengan lebih mendalam bagaimana Masjid Al Aqsa menjadi kiblat pertama dan merupakan masjid yang kedua dibina selepas Masjid Al Haram serta dapat kita dapati beberapa kelebihan lain bagi Masjid Al Aqsa. Dengan kedudukan istimewanya dalam Islam, ia turut memainkan peranan penting dalam kerohanian dan jati diri umat Islam. Hadis-hadis ini mengesahkan kelebihan dan keutamaan Masjid Al-Aqsa sebagai salah satu masjid yang diberkati dan seharusnya kita lindungi.

Oleh itu, umat Islam seharusnya prihatin terhadap tanggungjawab kepada Al Aqsa, menjaga dan mempertahankan tanah suci serta penduduk sekitarnya serta berusaha membongkar kejahatan musuh yang menghalau penduduk asal serta berusaha untuk menghancurkan Al Aqsa. Tanggungjawab ini tidak seharusnya terhad kepada aspek fizikal semata, akan tetapi harus meliputi dari pelbagai aspek termasuk aspek Rohani dan kewangan.

Pengetahuan yang diperolehi daripada kajian ini dapat membantu umat Islam mengukuhkan kefahaman mereka tentang kepentingan Masjid Al-Aqsa dan merangsang kesedaran dan usaha dalam mempertahankan tempat suci ini. Kesedaran yang diperolehi amatlah penting dalam memperkuat ikatan sesama Islam seterusnya saling bersatu-padu dalam menangani isu kemanusiaan di Palestin serta memabantu dalam pembebasan Al Aqsa.

## 8. Rujukan

- Abu Al Faraj Jamal Al Din Ibn Al Jawzi. (2013). *Fadail Bayt al Maqdis* (Abu Al Munzir Al Huwaini Amru Abdul Azim Niyazi Syarif, Ed.). Cairo: Maktabah al Imam al Bukhari lil al Nasyr wa at Tawzi'.
- Al Filastiniy, Usamah Badi' Sa'idan. (2024). *40 Hadith Berkaitan Baitul Maqdis Terjemahan Al Arba'un Al Maqdisiyyah Al Thabitah* (Hairul Nizam Mat Husain & Muhammad Zulkifli Salleh, Trans.). Selangor: Pembangunan Ruwaq Jawi.
- Al Jamal, Abu Al Hasan. (2018, February). *Mu'jam Ma Ullifa fi Fadhail wa Tarikh Al Masjid Al Aqsa wa Al Quds wa Falastin li Shihabuddin Bahadur* (معجم ما ألف في فضائل وتاريخ المسجد الأقصى والقدس وفلسطين لشهاب الدين بهادر). Al Azhar Magazine, 865–861, 1439 جمادى الأولى.
- Al Suyuti, Abu Abdullah Muhammad Bin Syihab al Dn Ibn Abdul Khaliq Al Manhaji. (1982). *Ithaf al Akhissa bi Fadhail al Masjid al Aqsa*. Cairo: General Egyptian Book Organization. [https://ia801209.us.archive.org/34/items/FP48677/01\\_48677.pdf](https://ia801209.us.archive.org/34/items/FP48677/01_48677.pdf)
- Amir Sahidin, A. (2021, June 1). Kedudukan penting Baitul Maqdis bagi umat Islam (Studi Analisis Historis). Amir Sahidin | Jurnal Penelitian Medan Agama. <https://jurnal.uinsu.ac.id/index.php/medag/article/view/9887/5023>
- Dzulfaidhi Hakimie Dzulraidi, Norazam Khair Mohd Ithnin, Muhammad Taufiq Amat Tamsir & Danial Ayub. (2023). *Keutamaan Bayt Al-Maqdis Menurut Al-Quran Dan Hadith: Analisis Karya Faḍāi'l Bayt Al-Maqdis Oleh Ibn Al-Jawzī*.
- Husnul Abdi. (2023, November 2). Sejarah Masjid Al-Aqsa dari Awal Berdiri Beserta Bagian-bagiannya. *liputan6.com*. <https://www.liputan6.com/hot/read/5439737/sejarah-masjid-al-aqsa-dari-awal-berdiri-beserta-bagian-bagiannya?page=2>
- King Faisal Prize. (2024). Kingfaisalprize.org. <https://kingfaisalprize.org/winnerInfo/90>
- Muh. Ikhsan. (2019). BAYT AL-MUQADDAS: PERSPEKTIF SEJARAH DAN SIYASAH. (n.d.). *CORE Reader*. <https://core.ac.uk/reader/231140178>
- Muhammad Hasyim Musa Ghawsyah. (2002). *Tarikh Al Masjid Al Aqsa*. Wizarat Al Awqaf Wal Syuun Al Diniyyah - Filastin.
- Quran.com. (2024). Quran.com. <https://quran.com/>
- Raid Fathi. (2007). *Al Arba'un Al Maqdisiyyah*. Muassasah Al Aqsa.
- المنصة العربية للتعليم المفتوح. (2024). Rwaq.org. <https://www.rwaq.org/>